

## **PEMBANGUNAN KOMUNITI MELALUI PUSAT BAHASA ARAB SEBAGAI INSTITUSI PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT**

Hairun Najuwah Jamali  
hairunnajuwah@kuis.edu.my  
*Jabatan Bahasa dan Pembangunan Insan*  
*Pusat Pengajian Teras*  
*Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor*

### **ABSTRAK**

*Pembangunan komuniti merujuk kepada usaha untuk memperbaiki taraf hidup atau kualiti kehidupan komuniti melalui program-program yang dijalankan oleh mereka. Usaha ini boleh dilaksanakan oleh komuniti sendiri atau komuniti bersama-sama dengan agen-agen pembangunan, pihak kerajaan ataupun bukan kerajaan. Pembangunan komuniti sebagai satu strategi pembangunan negara telah menghasilkan kejayaan, khususnya dalam program-program terancang. Antara elemen utama pembangunan komuniti ialah pendidikan. Kertas kerja ini ingin mengenengahkan fungsi Pusat Bahasa Arab (PBA) sebagai institusi pendidikan dan pembelajaran sepanjang hayat yang memberi peluang kepada komuniti setempat mahupun lainnya bagi meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran bahasa Arab mereka. Hal ini kerana melalui peluang pembelajaran sepanjang hayat (PSH), ia mampu mengembeleng potensi individu selain peluang meningkatkan kemahiran. Menerusi PSH, pendidikan tidak hanya terhad kepada usia muda, tetapi perlu dilanjutkan sepanjang hayat.*

**Kata Kunci:** Pembangunan Komuniti, Pusat Bahasa Arab, Pembelajaran Sepanjang Hayat

### **PENGENALAN**

Terdapat pelbagai definisi tentang pembangunan komuniti. Definisi ini berbeza-beza bergantung kepada lokasi dan budaya serta masyarakat yang terlibat. Walau bagaimanapun terdapat beberapa ciri yang utama yang menyamakan definisi pembangunan komuniti ini tanpa mengira di mana pembangunan komuniti ini dipraktikkan. Mengikut Ploch (1976), pembangunan komuniti ialah penglibatan yang aktif daripada masyarakat setempat untuk menjalankan program-program yang dapat meningkatkan kualiti kehidupan mereka. CDA atau Community Development

Academy (1997) pula melihat pembangunan komuniti ini sebagai penglibatan daripada semua pihak dan agensi untuk mencapai matlamat yang sama iaitu memperbaiki kualiti kehidupan masyarakat yang terlibat. Mengikut CDA, pembangunan komuniti ialah usaha yang menyeluruh dan bersungguh-sungguh daripada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak untuk mencapai matlamat dan objektif yang telah ditentukan (Mohammad Shatar, 2003).

Antara elemen yang dipayungi oleh pembangunan komuniti ialah elemen pendidikan. Pendidikan merupakan aspek utama dalam kehidupan insan. Sama ada pendidikan berbentuk formal atau bukan formal, ia tetap berlaku di sepanjang hayat insan. Melalui pendidikan, modal insan dapat dibangunkan supaya dapat menjalani kehidupan yang sihat, berpengetahuan luas, berpeluang mendapatkan sumber yang diperlukan untuk menikmati taraf hidup yang sempurna dan dapat melibatkan diri dalam kehidupan komuniti. Justeru pembelajaran sepanjang hayat (PSH) memberi peluang pendemokrasian pendidikan yang merangkumi program pemerolehan pengetahuan, kemahiran dan kompetensi sama ada secara formal atau tidak formal berdasarkan pengalaman dan latihan. Daya saing global dan kepelbagaian keperluan telah mendesak individu supaya sentiasa memperbaharui pengetahuan dan kemahiran mereka (<http://www.mohe.gov.my>).

Pusat Bahasa Arab merupakan salah satu institusi yang menawarkan program PSH untuk komuniti masa kini yang berkeinginan untuk memperbaiki kemahiran bahasa Arab mereka. Ini sejajar dengan jumlah majoriti komuniti di Malaysia sebanyak 60.4% adalah beragama Islam. (Taufiq Yap,2017). Tidak dinafikan bahawa agama Islam amat berkait rapat dengan bahasa Arab kerana kebanyakan rujukan asas utama agama Islam adalah buku-buku yang ditulis dalam bahasa Arab. Bahkan ibadah utama dalam kalangan umat Islam iaitu mendirikan sembahyang lima waktu juga dilaksanakan menggunakan bahasa Arab. Ini selari dengan kajian dalam Azman & Soon (2010) menyebut tujuan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia boleh dibahagikan kepada dua iaitu: i) Matlamat agama. (Kamarul Syukri et. al. 2009; Zainur Rijal & Rosni 2007). ii) Matlamat komunikasi.

Berdasarkan kepada senario tersebut, kertas kerja ini ditulis untuk melihat perkaitan pembangunan komuniti melalui institusi pendidikan seperti pusat bahasa Arab yang menawarkan pembelajaran sepanjang hayat. Kewujudan PBA yang menawarkan perkhidmatan PSH dilihat sebagai memenuhi keperluan pembelajaran bahasa Arab

komuniti Islam khususnya yang mempunyai pelbagai latar belakang umur dan taraf pendidikan.

## **FUNGSI PUSAT BAHASA ARAB**

Di Malaysia, bahasa Arab telah diperkenalkan dalam sistem pendidikan negara selari dengan kewujudan pendidikan Islam. Bermula dari era kebangkitan Islam pada tahun 1970-an, perkembangan pengajaran Bahasa telah melalui satu perubahan yang drastik (Hassan Basri, 2005). Selain institusi pendidikan formal di bawah seliaan Kementerian Pendidikan Malaysia yang menawarkan subjek bahasa Arab, terdapat institusi-institusi lain yang turut menawarkan peluang pembelajaran bahasa Arab iaitu PBA.

PBA di Malaysia menawarkan pelbagai modul pembelajaran bahasa Arab bagi memenuhi keperluan komuniti muslim yang ingin meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran bahasa Arab. Setiap modul yang dibangunkan oleh PBA adalah bersesuaian dengan kehendak komuniti kini. Bermula daripada kanak-kanak, remaja, golongan dewasa malah warga emas cenderung untuk mempelajari bahasa Arab dengan ramainya daripada golongan ini yang mengikut kelas-kelas pembelajaran bahasa Arab sama ada secara formal mahupun informal. Mereka mengikut kelas-kelas pengajian bahasa Arab ini di masjid, surau, pusat pendidikan bahasa Arab awam mahupun swasta dan sebagainya. Hal ini kerana memenuhi keperluan utama mereka dalam mendalami agama melalui kefahaman jitu kepada al-Quran dan Hadis serta suatu usaha pemantapan kualiti ibadah harian mereka. (Che Radiah, 2011 & Mohd Sharizal et.al,2015)

Institusi PBA di Malaysia telah berkembang sebagai pusat pembelajaran bukan formal kerana PBF ialah segala bentuk aktiviti pendidikan yang tersusun dan sistematik untuk sesuatu golongan berdasarkan keperluan dan aspirasi mereka. Ciri-ciri lain PBF ialah; (i) Para pesertanya tidak terbatas kepada golongan muda, dewasa atau golongan tua. Namun demikian, ia tertumpu kepada mana-mana golongan tertentu dengan matlamat dan objektif tertentu. (ii) Ia dijalankan atau diorganisasikan oleh sesuatu pihak atau agensi. (iii) Suasana pembelajaran adalah formal iaitu ada kurikulum yang berstruktur dan formal serta ada infrastruktur seperti bilik darjah dan kemudahan-kemudahan pembelajaran dan pengajaran. (iv) Ada organisasi pentadbiran dan pengendalian yang kemas berserta sumber-sumber sokongan seperti sumber kewangan dan sumber tenaga pengajar. (v) Ia kadangkala mempunyai sistem

penilaian atau peperiksaan tertentu dan juga ada penganugerahan sijil bagi mengesahkan penyertaan dan pencapaian.(Mohd Azhar et.al,2003).

Ia juga sejajar dengan kategori pembelajaran sepanjang hayat (PSH) yang dikeluarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi. Terdapat tiga kategori PSH iaitu formal, bukan formal dan tidak formal. Fungsi PBA adalah di dalam kategori kedua iaitu bukan formal. Kategori bukan formal ditaktifkan sebagai merangkumi pembelajaran yang dilakukan di tempat alternatif yang bukan dalam persekitaran institusi formal. Program ini selalunya boleh jadi sistematik dan direka bentuk dengan baik ( <http://www.mohe.gov.my>).

Secara amnya program-program pembelajaran bahasa Arab yang ditawarkan oleh setiap PBA mempunyai modul yang tersendiri. Setiap modul yang digunakan digubal, diselia dan disusun atur oleh pengasas dan tenaga pengajar PBA. Hal ini kerana setiap PBA mempunyai matlamat atau objektif tersendiri dalam menyampaikan bahan pembelajaran bahasa Arab bersesuaian dengan peserta yang menyertai mereka. Fenomena ini dilihat sebagai faktor kekuatan PBA kerana sehingga kini mereka beroperasi dengan kehadiran peserta dari pelbagai pelusuk negeri kerana modul pembelajaran bahasa Arab yang ditawarkan.

Meskipun modul yang ditawarkan adalah berbeza-beza di setiap PBA, namun ia memenuhi keperluan para peserta yang menyertainya. Semakin banyak modul pembelajaran bahasa Arab yang ditawarkan, semakin ramai peserta bagi sesebuah PBA. Elemen modul yang sejajar dengan kos yuran yang ditawarkan juga merupakan tarikan kepada peningkatan jumlah peserta kursus. Justeru tidak timbul pandangan bahawa modul pembelajaran Bahasa Arab di sesebuah PBA adalah lebih baik dari PBA yang lain kerana di setiap satunya mempunyai tarikannya tersendiri pada pandangan peserta. (Hairun Najuwah et.al,2017).

Antara PBA yang aktif di Malaysia ialah Pusat Bahasa Arab Selangor (PBAS) dan Pusat Bahasa Arab KUISCELL di Selangor, Pusat Bahasa Arab Mikro di Kelantan, Pusat Bahasa Arab KIDU di Kedah dan Pusat Bahasa Arab YIK di Kelantan. PBA ini bergerak aktif sepanjang tahun dengan menawarkan peluang pembelajaran bahasa Arab untuk pelbagai peringkat lapisan masyarakat. Hal ini selari dengan hasrat Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia yang melancarkan kempen PSH melalui program My3L Belajar Tanpa Henti /*learning never stop*. Melalui hasrat ini PBA dilihat sebagai pembekal PSH seiring dengan Kementerian/Agensi/Jabatan/Institusi yang merancang dan menyediakan program dan latihan kepada masyarakat setempat

dengan pelbagai aktiviti pembelajaran bahasa Arab yang boleh diikuti oleh semua peringkat umur dan jantina.

## **MEMBANGUNKAN KOMUNITI MELALUI PSH**

Pembelajaran sepanjang hayat (PSH) adalah suatu yang dituntut oleh agama. Mengikut UNESCO dan tokoh-tokoh pengkaji di bidang ini, pendidikan sepanjang hayat (PSH) adalah proses di mana orang dewasa secara terus - menerus memperoleh, dalam perlakuan sedar, pendidikan formal atau tidak formal sepanjang jangka masa hidupnya, sama ada bagi mengekalkan dan meningkatkan kemahiran vokasional atau untuk pembangunan personel. Shafritz, Koepe & Soper (1988) dalam Hanipah Hussin (t.t). Berdasarkan amalan antarabangsa, PSH adalah sangat luas dan pelbagai. Suruhanjaya Eropah mentakrifkan PSH sebagai segala aktiviti pembelajaran yang dilakukan sepanjang hidup, dengan tujuan meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan kompetensi, dalam aspek yang berkait dengan peribadi, sosial atau pekerjaan. Manakala *The National Organization for Economic Co-operation and Development (OECD)* yang terdiri daripada 34 buah negara, mentakrifkan PSH sebagai semua jenis aktiviti pembelajaran tanpa mengira had umur. UNESCO mengesahkan pendidikan non-formal dan pembelajaran sebahagian daripada PSH. (<http://www.mohe.gov.my>). Salah satu pendekatan bagi pembelajaran sepanjang hayat adalah menegaskan penekanan utamanya pada promosi kemahiran dan kompetensi. Kompetensi dalam berkomunikasi menggunakan '*multi-language*' dan kompetensi dalam teknologi menggunakan '*hybrid technology*' dan '*multi-skilling*'.

Ini jelas menunjukkan domain utama PSH ialah ke arah meningkat komuniti dalam bidang ilmu pengetahuan, kemahiran dan kompetensi dalam pelbagai aspek. Dalam kertas kerja ini aspek kompetensi dalam berkomunikasi menggunakan pelbagai bahasa atau '*multi-language*' adalah yang ingin diketengahkan. Untuk mencapai hasrat ini, ia memerlukan sebuah institusi yang menyediakan kepakaran dan latihan yang diidamkan antaranya ialah PBA. Walaupun PBA adalah institusi yang diurus tadbir oleh syarikat, kerajaan negeri dan orang perseorangan, fungsinya sebagai pusat pembelajaran yang terbuka untuk pelbagai lapisan komuniti mencerminkan ia mendokong hasrat kerajaan yang melancarkan PSH.

Aspek kemahiran berbahasa kini merupakan antara keperluan dalam mendalami sesuatu ilmu. Bagi komuniti Islam, meningkatkan kemahiran berbahasa Arab selain bahasa ibunda, seseorang itu dapat memahami dan berkomunikasi dengan saudara seislam di seluruh dunia terutamanya di negara-negara Arab dan dapat mengenali mereka secara lebih dekat serta mengikat hubungan baik sesama Islam. Tidak

dinafikan juga bahasa Arab mempunyai nilai komersial yang tinggi dan berdaya saing serta mampu menandingi bahasa dunia lain seperti bahasa Inggeris, Perancis, Rusia, dan sebagainya. Nilai ekonomi yang terdapat pada bahasa Arab membolehkannya diiktiraf sebagai salah satu bahasa utama dan terpenting di dunia serta menarik ramai orang untuk mempelajarinya.

Justeru wajarlah, kewujudan PBA di Malaysia yang menjadi perhatian umum sebagai langkah yang mampu melengkap keperluan dan menjadi hasrat para pencinta bahasa Arab di Malaysia. Impaknya, dengan penubuhan pusat seperti ini mampu membudayakan masyarakat untuk lebih mengenali bahasa Arab dan agama Islam umumnya.

## **KESIMPULAN**

Berdasarkan perbincangan di dalam kertas kerja yang dikemukakan ini, ia menunjukkan keadaan saling memerlukan dalam aspek pendidikan antara pembangunan komuniti dan pusat bahasa Arab sebagai pusat pembelajaran sepanjang hayat. Pembangunan komuniti melalui pelbagai ilmu pengetahuan dan kemahiran terutamanya kemahiran bahasa, dapat direalisasikan melalui bantuan pembelajaran sepanjang hayat di pusat bahasa Arab. Di Malaysia yang majoritinya beragama Islam, pembelajaran kemahiran memahami bahasa Arab amat diperlukan apabila ia secara langsung dengan amalan ibadah harian selain bahasa utama untuk memahami sumber rujukan agama Islam itu sendiri. Komuniti yang memiliki kemahiran berbahasa selain bahasa ibundanya mempunyai kelebihan dalam kehidupannya berbanding yang lain. Ini kerana kelebihan '*multi-language*' membolehkan seseorang menguasai ilmu, komunikasi dan ekonomi.

## **RUJUKAN**

- Azman Che Mat dan Soon, G. Y. 2010. Situasi Pembelajaran Bahasa Asing di Institut Pengajian Tinggi: Perbandingan Antara Bahasa Arab, Bahasa Mandarin dan Bahasa Perancis. AJTLHE. Vol. 2(2) : 9-20.
- Che Radiah Mezah & Raja Masittah Raja Ariffin. Pengajaran Bahasa Arab Warga Emas U3a Serdang: Satu Kajian Penerokaan. 2011 Prosiding International Conference And Exhibition On Research In Islamic And Arabic Language Education 2011 (Iceriale 2011) Enhancing Islamic And Arabic Language Education Through Quality Research.
- Hairun Najuwah et.al. 2017. Analisis Keperluan Pusat Bahasa Arab Di Malaysia Dalam Meningkatkan Kecekapan Bahasa Arab. Geran Penyelidikan KUIS.
- Hanipah Hussin. Pembelajaran Sepanjang Hayat (Psh) : Menjana Masyarakat Islam Hadhari Ke Arah K-Ekonomi. Prosiding Konvensyen Kebangsaan

Kecemerlangan Sosial dan Pembangunan Komuniti.  
<http://eprints.utm.edu.my>.

- Hassan Basri Awang Mat Dahan. 2005. Daripada Tradisi ke Inovasi dalam Pengajaran bahasa Arab di Malaysia: Dilema pelaksanaannya. Dalam. Loke, Siow Heng et.al. 2005. Pedagogi Merentas Kurikulum. Pahang: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Kamarul Syukri Mat Teh. 2009. Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Arab dalam kalangan Pelajar Sekolah Menengah Agama. Tesis Dr. Fal. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Azhar Abd. Hamid.2003. Pendidikan Bukan Formal (Pbf) Di Malaysia: Cabaran Dan Hala Tuju Wawasan 2020.[eprints.utm.my/2287](http://eprints.utm.my/2287)
- Mohammad Shatar Sabran. 2003. Model Pembangunan Komuniti Pertanian. J. Soc. Sci. & Hum. 11(2): 135-145.
- Mohd Shahrizal Nasir , Mohd Firdaus Yahaya & Muhammad Sabri Shahrir. 2015. Pembelajaran Bahasa Arab Untuk Tujuan Ibadah Sebagai Satu Keperluan Bagi Masyarakat Awam. Asia Pasific Journal of Educators and Education, vol.30,51-72.
- Taufiq Yap Yi Hun. Islam Agama Untuk Manusia Sejagat. Harian Metro. 26 Jan 2017. <http://www.mohe.gov.my>.Pembelajaran Sepanjang Hayat.